

Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP25/115 • Jumaat, 11 November 2022 / 16 Rabiulakhir 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta pemimpin-pemimpin ASEAN bergambar ramai bersama perwakilan belia ASEAN semasa Sesi Sua Muka Pemimpin-pemimpin ASEAN bersama Perwakilan Belia ASEAN di Hotel Sokha Phnom Penh, kelmarin.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan menghadiri Sesi Sua Muka Pemimpin-pemimpin ASEAN bersama Perwakilan Belia ASEAN.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar bersama perwakilan belia dari Negara Brunei Darussalam.

BERKENAN BERTEMU PERWAKILAN BELIA ASEAN

PHNOM PENH, KEMBOJA, 10 NOV – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berkenan berangkat menghadiri Sesi Sua Muka Pemimpin-pemimpin ASEAN bersama Perwakilan Belia ASEAN yang berlang-

sung di Hotel Sokha Phnom Penh.

Semasa sesi berkenaan, para pemimpin ASEAN dan perwakilan belia ASEAN antara lainnya membincangkan mengenai peranan belia sebagai pemimpin masa depan ke arah meningkatkan pembangunan mampan di rantau ini. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Ketua Operasi dan Ketua

Urus Setia, Sukarelawan Belia COVID-19, Awang Mohammad Abdul Wafi bin Haji Sofian dan Dayang Nur Izzah Amalia binti Malik Iskandar yang merupakan mahasiswi Jurusan Undang-undang dan Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Sesi tersebut merupakan platform bagi pemimpin-pemimpin ASEAN me-

nyampaikan hasrat mereka terhadap para belia, serta bagi para belia untuk mengongsikan usaha-usaha dan sumbangan masing-masing ke arah pembangunan serantau.

Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama perwakilan Negara Brunei Darussalam berkenaan.